

KES TERBARU
FAHAMAN RADIKAL

Masih ada kelemahan dalam sistem

Masagos: Individu harus bantu diri dari terpengaruh

PENDEDAHAN terbaru mengenai kes rakyat Singapura yang terpengaruh dengan fahaman ideologi radikal menunjukkan wujudnya beberapa kelemahan dalam sistem yang ada sekarang, namun apa yang lebih penting adalah bagaimana Singapura dapat segera belajar daripada episod ini dan memperkuat lagi sistem itu.

Memberikan respons terhadap tiga kes terbaru yang didedahkan pemerintah, Setiausaha Parlimen Kanan (Pendidikan merangkap Ehwal Dalam Ne-

geri), Encik Masagos Zulkifli Masagos Mohamad, berkata pemerintah dan institusi seperti Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) telah menggiatkan usaha membendung ancaman itu, tetapi pada akhirnya, seseorang individu itu harus membantu dirinya sendiri daripada terpengaruh.

"Jika rakyat Singapura tidak memeriksa kembali apa yang mereka baca atau dengar di Internet dengan guru agama yang berkepercayaan dan bertaqwa, terdapat risiko mereka akan terpengaruh oleh ajaran salah dan menjadi radikal," kata beliau.

Encik Masagos berkata keluarga dan teman-teman individu terlibat juga berperanan dalam usaha mencegah pengaruh radikal dan harus melaporkannya kepada pihak berkuasa agar

kaunseling dapat diberikan.

Beliau berkata demikian ketika diminta komennya oleh *Berita Harian* berhubung kes anggota Perkhidmatan Negara (NS) sepenuh masa yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan dua lagi yang dikenakan Perintah Sekatan (RO).

Anggota NS itu, Muhammad Fadil Abdul Hamid, 20 tahun, merancang melakukan jihad militan di luar negara selepas terpengaruh menerusi ideologi radikal di Internet.

Salah seorang daripada dua orang dikenakan RO itu, Muhammad Anwar Jailani, 44 tahun, seorang guru agama yang tidak bertaqwa, telah mengedarkan kepada anak muridnya, kenalan dan orang awam cakera-cakera padat mengandungi ceramah ideologi

radikal.

Encik Masagos berkata, golongan radikal seperti Anwar Al-Awlaki, 39 tahun, menggunakan Internet untuk menyebarkan mesej keganasan dalam pelbagai bahasa, termasuk Inggeris, untuk memikat pengikut dan Muslim Singapura juga tidak terlindung daripada pengaruh itu.

Mereka yang tidak mempunyai asas kuat dalam pemahaman tentang Islam dan tidak mendapatkan bimbingan yang betul daripada asatizah bertaqwa menghadapi risiko dipengaruhinya ajaran-ajaran ganas itu, katanya.

"Kita perlu menghadapi cabaran ini dengan tegas dan gigih dalam mengenalkan langkah-langkah bagi membantulas ideologi radikal," ujar beliau.

Encik Masagos akur banyak lagi

yang boleh dilakukan, termasuk memperbaiki lagi Skim Pengiktirafan Asatizah (ARS), dan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai ARS.

Beliau berkata, rakyat Singapura keseluruhannya, termasuk bukan Muslim, sedar bahawa kes-kes itu tidak mewakili masyarakat Melayu/Islam dan tidak akan membiarkannya menjejaskan perpaduan sosial dan kepercayaan di kalangan masyarakat pelbagai kaum yang dibina sejak sekian lama.

Encik Masagos mengingatkan rakyat Singapura agar tidak membiarkan kes-kes itu menjejaskan hubungan di antara kaum dan agama.

"Dalam usaha ini, ibu bapa, guru dan pemimpin masyarakat mempunyai peranan dalam mendidik anak dan golongan belia," katanya.